

PEMBELAJARAN HADIS MENGGUNAKAN APLIKASI JAMI' KUTUB TIS'AH: KEBERKESANAN DALAM KALANGAN PELAJAR JURUSAN HADIS DI USIM

Mawaddah Binti Hasbullah¹
Siti Nur Syuhada Binti Rosli²
Wan Nur Aqilah Binti Wan Roslan³
Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Email: wadahhas@raudah.usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Email: syuhadarosli@raudah.usim.edu.my

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Email: aqilahroslan@raudah.usim.edu.my

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Email: syednajihuddin@usim.edu.my

Abstrak: *Jami Kutub Tis'ah merupakan satu aplikasi yang memuatkan hadis-hadis popular yang diriwayatkan oleh sembilan imam. Imam yang dimaksudkan ialah Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam Tirmizi, Imam An-Nasa'i, Imam Ibnu Majah, Imam Ahmad, Imam Malik, Imam Ad Darimi. Pada asalnya, aplikasi ini merupakan sebuah buku dan telah dijadikan dalam bentuk digital bagi memenuhi keperluan semasa. Namun, aplikasi ini hanya mengandungi sembilan buah kitab hadis sahaja. Selain itu, fungsi aplikasi ini juga kurang didedahkan kepada pelajar USIM jurusan hadis kerana masih ramai yang tidak mahir dalam menggunakannya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang sejarah dan perkembangan serta keberkesanan aplikasi ini kepada pelajar jurusan hadis di USIM. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu melalui kajian perpustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan. Penyelidik menggunakan instrument seperti soal selidik dan ujian pencapaian bagi memungut data. Instrumen berfungsi sebagai alat pengukur dan menjadi alat perantaraan antara penyelidik dan peserta kajian. Hasil kajian ini mendapati, aplikasi Jami Kutub Tis'ah ini sangat memberi manfaat kepada pelajar jurusan hadis sebagai sumber rujukan dalam mengetahui status sesuatu hadis. Kesimpulannya, dengan adanya aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini dapat membantu para pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu hadis dengan lebih pantas. Justeru itu, setiap pelajar jurusan hadis perlu mendalami isi kandungan aplikasi ini agar dapat menggunakannya dengan lebih arif dan berkesan.*

Kata Kunci: *Pembelajaran Hadis, Jami' Kutub Tis'ah, Keberkesanan*

Pengenalan

Sumber rujukan Islam yang utama adalah al-Quran dan sunnah. Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah yang penuh dengan mukjizat dan keagungan yang diturunkan melalui Nabi Muhammad kepada umat manusia. Manakala, sunnah adalah sumber asal yang kedua selepas al-Quran. Ia berperanan menerangkan dan memperincikan isi kandungan al-Quran secara praktikal dalam melaksanakan tuntutan al-Quran.

Proses pengumpulan al-Quran telah dilaksanakan pada zaman sahabat disebabkan oleh ramai dikalangan Huffaz mati dalam peperangan Yamamah. Lalu Saidina Umar mencadangkan kepada Saidina Abu Bakar supaya dihimpunkan al-Quran kerana bimbang akan kehilangannya dengan sebab kematian ramai Huffaz dan Qurra'. Bagi Hadis pula, tiada perintah dari Nabi Muhammad untuk membukukannya. Hal ini kerana, dikhuatiri akan bercampur-aduk dengan al-Quran yang diturunkan ketika itu. Namun, pada abad ke 2 Hijrah barulah Hadis Nabi dibukukan iaitu pada zaman Khalifah Umar ibn Abd al Aziz dengan sokongan pemerintah ketika itu. Oleh hal demikian, Hadis berkembang dengan pesatnya dan menghasilkan banyak kitab Hadis terdapat pada masa kini. Kegiatan pembukuan kitab Hadis didunia Islam ini sudah berjalan selama 12 abad lamanya.

Pada era modenisasi ini, terdapat pelbagai cara untuk mencari sumber Hadis antaranya adalah seperti aplikasi moden Jami' Al-Kutub At-Tis'ah yang dimana pada asalnya merupakan sebuah kitab Hadis. Aplikasi ilmiah ini boleh dimuatnaik secara terus melalui "play store" bagi pengguna Android mahupun "app store" bagi pengguna iPhone. Aplikasi ini telah merangkumi sembilan buah kitab Hadis yang terkenal dalam kalangan ulama seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Daud, Imam Tarmizi, Imam Nasai', Imam Ibnu Majah, Imam Malik, Imam Darimi dan Imam Ahmad.

Aplikasi ini turut dilengkapi diagram sanad, serta informasi tentang perawi Hadis tersebut. Ia telah dilancarkan pada 22 Disember 2016 dan telah dikemaskini pada 18 September 2019. Sehingga kini, seramai lebih 1 juta orang telah memuatnaik aplikasi ini serta mendapat lebih 30ribu maklum balas daripada penggunanya. Aplikasi Jami Kutub Tis'ah ini ditawarkan oleh syarikat "Arabic for Information and Technology" dan penggunaannya adalah dalam bahasa Arab. Saiz bagi aplikasi ini agak besar berbanding dengan aplikasi Hadis digital yang lain iaitu seberat 501.9mb. Hal ini disebabkan oleh kandungan maklumat yang terdapat dalam aplikasi ini lebih terperinci dari segi biodata perawi Hadis, syarah Hadis dan status Hadis.



Muka hadapan aplikasi Jami Kutub Tis'ah



Seperti yang telah diungkapkan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang sejarah dan perkembangan serta keberkesanan aplikasi ini kepada pelajar jurusan hadis di USIM. Dalam aplikasi tersebut, terdapat beberapa keistimewaannya tersendiri antaranya seperti boleh membuat nota tambahan yang bertujuan untuk rujukan pengguna aplikasi ini. Proses untuk mencari sesuatu hadis juga lebih mudah kerana hanya perlu mengetahui beberapa matan hadis sahaja dan bagi perkataan yang jarang dijumpai dalam hadis turut diberi penerangan mengenai perkataan tersebut. Oleh itu, pengguna dapat memahami sesuatu hadis dengan mudah dan jelas

1.0 Tinjauan Literatur

A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Zohdi Mohd Amin, Shumsudin Yabi, Mohd Yusuf Ismail., (2018) telah membuat kajian mengenai tahap pendedahan penggunaan aplikasi hadith digital dalam pembelajaran hadith di Universiti Awan Malaysia. Kajian ini bagi mengenal pasti sejauh mana penggunaan hadith digital diimplimentasikan dalam pembelajaran jurusan hadith bagi penuntut Universiti Awam di Malaysia.

Menurut Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Dr NoorNajihan Jaafar, Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin., (2015) sumber pembelajaran cabang- cabang Pengajian Islam adalah al-Quran dan hadis, yang mana ianya merupakan sumber tulen dan boleh dipercayai. Kaedah Pengajian Islam turut berubah seiring dengan revolusi pendidikan menggunakan teknologi moden. Tambahan pula, perkembangan teknologi moden telah memberi kemudahan kepada pelajar jurusan hadith khususnya dalam pencarian hadith di aplikasiperisian hadith.

Berdasarkan kajian Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid, Abdul Azib Hussain, (2021) fenomena kemajuan teknologi digital berkait rapat dengan Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, bidang hadis nabawi juga perlu bertindak pantas untuk bergerak seiring kemajuan teknologi moden. Contohnya dengan penghasilan buku digital, pembangunan laman sesawang, dan termasuk aplikasi ICT yang berkaitan hadis.

Irwan Santeri bin Doll Kawaid, Mohd Aminuddin bin Israbani, (2020) telah menyatakan bahawa pelbagai platform berkaitan ilmu Islam telah diwujudkan sejak dari awal kemunculan era digital. Platform-platform ini telah memudahkan penuntut ilmu jurusan agama dalam pencarian maklumat. Bahkan, platform ini telah mendapat sambutan kerana fungsinya yang mesra pengguna, dan mempunyai pelbagai sumber maklumat. Platform digital berbentuk perisian merupakan antara platform yang paling banyak mendapat perhatian dalam kalangan pengguna. Ia kerana fungsi tambahannya yang bersifat mesra pengguna, data maklumat yang banyak dan tahap manipulasinya adalah rendah.

Satu kajian daripada Ahmad Tajuddin Arafat, (2017) mata rantai sufi perawi hadis dalam al-Kutub at-Tis'ah. Sejak abad pertama hijriyyah lagi proses periwayatan hadis telah bermula iaitu menggunakan kaedah lisan. Manakala proses kodifikasi hadis baru bermula pada abad kedua hijriah. Oleh itu, kajian ini dilihat penting bagi memastikan ketulenan dan kesahihan hadis yang terdapat dalam al-Kutub al-Tis'ah. Berdasarkan penelitian yang dibuat oleh pengkaji ini, perawi-perawi yang terdapat dalam kitab ini adalah perawi yang boleh dipercayai kesahihannya. Perawi-

perawi yang terdapat di dalam kitab ini merupakan perawi yang banyak memberi sumbangan dalam bidang hadis dan tasawuf.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah ini akan menerangkan objektif kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber bahan bacaan perpustakaan dan edaran borang soal selidik. Kandungan kajian kami akan dikawal oleh keputusan soal selidik yang kami jalankan bagi menguatkan hujah dan objektif kami.

Tahap keberkesanan dan manfaat aplikasi Jami' Kutub al-Tis'ah akan dikenal pasti melalui peratusan dan maklum balas daripada borang soal selidik. Seperti yang sedia maklum, kaedah kuantitatif ini digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pendapat satu kelompok tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh, kami ingin mendapatkan maklum balas daripada pelajar jurusan hadis di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah di USIM.

Selain itu, kaedah ini menggunakan bahan bacaan perpustakaan seperti jurnal, artikel, laman sesawang yang boleh dipercayai dan lain-lain lagi. Oleh itu, hasil kajian kami bertunjangkan dua perkara iaitu melalui pembacaan dan penelitian kajian-kajian terdahulu dan melalui maklumbalas borang soal selidik

Dapatan Kajian

3.0 Sejarah Jami' Kutub Tis'ah

Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini merupakan himpunan kitab-kitab hadis yang popular yang diriwayatkan oleh sembilan imam yang 'alim menjadi rujukan umat muslim. Kitab-kitab ini disusun secara sistematik, namun penyusunannya berbeza-beza menurut penyusun kitab. Penjelasan mengenai kitab-kitab tersebut adalah seperti berikut:

Sahih Bukhari

Kitab ini diberi judul *Al-Jami' As-Sahih* oleh penyusunnya. Beliau memilih hadis yang tercantum dalam kitab ini dari 600 ribu hadis. Beliau bersusah payah dalam memilih dan mencari hadis yang sahih sehingga setiap kali hendak menulis hadis (dalam kitab ini), beliau sentiasa berwuduk dan mengerjakan solat dua rakaat untuk memohon petunjuk daripada Allah.

Penyusun kitab ini memiliki nama lengkap Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari. Kunya beliau adalah Abu Abdillah. Beliau dilahirkan pada tahun 194 H. Beliau mengembara mencari hadis hingga akhirnya menjadi imam di bidang ilmu hadis. Imam Al-Bukhari wafat pada tahun 256 H di Khartanak, salah satu wilayah di Samarkand.

Imam Bukhari tidak menulis kecuali yang telah benar bersumber dari Rasulullah dengan sanad bersambung dan terdiri dari muslimin yang sihat pemikirannya, jujur, adil, hafal serta menguasai apa yang diriwayatkannya.

Sahih Muslim

Penyusun kitab ini adalah Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi. Julukan beliau adalah Abul Husain an-Naisaburi, al-Hafidz. Beliau dikenali sebagai salah seorang imam ahli hadis yang tsiqah lagi mulia. Penulis kitab sahih yang tingkatannya menurut majoriti para ulama, berada tepat di bawah Sahih Bukhari. Imam Muslim lahir pada tahun 204 H, dan wafat pada tahun 261 H di Naisaburi.

Imam Muslim mengumpulkan hadis-hadis sahih dari Rasulullah shallallahu alaihi wa sallam menurut penilaiannya. An-Nawawi berkata, “Di dalam kitab ini beliau menerapkan kaedah yang sangat bagus dalam hal ketelitian, kesempurnaan, wara’, dan ma’rifah dimana sangat jarang seorang mendapatkan petunjuk untuk melakukan hal tersebut kecuali beberapa orang saja di beberapa masa”

Setiap bab kitab ini telah diberi judul oleh sejumlah ulama yang menjelaskannya. Di antara syarah yang paling bagus adalah yang disusun oleh Imam An-Nawawi. Jumlah hadis dalam kitab ini 7275 buah, termasuk hadits yang terulang dan jika tidak terulang terdapat 4000 hadis.

Sunan An-Nasai

Imam An-Nasai menyusun kitabnya As-Sunan Al-Kubra dan memasukkan ke dalamnya berbagai hadis yang sahih dan tidak lengkap. Kemudian beliau meringkaskannya dalam kitab As-Sunan As-Sughra dan beliau memberi judul Al-Mujtaba yang di dalamnya beliau hanya mengumpulkan berbagai hadis sahih menurut penilaiannya.

Al-Mujtaba adalah kitab Sunan yang paling sedikit mengandung hadis dhaif dan perawi yang di jarah. Darjat kitab ini berada setelah As-Shahihain. Ditinjau dari sisi perawinya, kitab ini didahulukan daripada Sunan Abu Dawud dan Sunan At-Tirmidzi karena beliau sangat berhati-hati dalam memilih para perawi. Al-Hafidz Ibnu Hajar rahimahullah mengatakan, “Banyak perawi yang dipakai oleh Abu dawud dan At-Tirmidzi yang ditinggalkan oleh An-Nasa’i dalam meriwayatkan hadisnya. Bahkan, dalam meriwayatkan hadisnya dia meninggalkan sejumlah perawi yang terdapat dalam As-Shahihain.

Sunan Abi Daud

Nama lengkap penyusun kitab ini adalah Sulaiman bin Asy’ats bin Ishaq bin Basyir Abu dawud as-Sijistani, beliau salah seorang hafidz umat Islam, yang menguasai ilmu dan hadits. Beliau biasa mengembara ke berbagai penjuru negeri. Beliau tinggal di Bashrah

dan juga pernah tinggal di Baghdad. Imam Abu Dawud wafat di Bashrah pada tahun 275H.

Sunan Abi Daud adalah kitab yang mengandungi 4800 hadits yang dipilih oleh penyusunnya dari 500,000 hadis. Beliau hanya menyebutkan hadis-hadis tentang hukum. Beliau mengatakan, “Di dalamnya saya menyebutkan hadis yang berstatus sahih, yang serupa (mirip) atau yang mendekati darjat sahih. Jika dalam kitabku ini ada hadis yang mengandungi kelemahan yang berat, pasti saya jelaskan. Di dalam kitab ini tidak terdapat riwayat yang berasal dari seorang perawi matruk. Hadis yang tidak sayakomentari, berarti hadis tersebut hadis yang sahih (baik) dan sebagian hadis lebih sahih dari yang lainnya. Dan hadis-hadis yang saya cantumkan dalam kitab Sunan sebagian besar merupakan hadis-hadis yang popular”.

Sunan Abi Daud sangat popular di kalangan ahli fiqih (fuqaha’) karena kitab ini mengumpulkan hadis-hadis hukum. Para ulama memuji Abi Daud dan menyebutkan bahawa beliau memiliki hafalan yang sempurna, pemahaman yang kuat, dan seorang yang wara’.

Sunan At-Tirmizi

Kitab ini juga terkenal dengan nama Jami’ At-Tirmizi. At-Tirmizi menyusun kitab beliau berdasarkan bab-bab fiqih. Beliau menjelaskan status sahih, hasan, atau dhaif setiap hadis pada tempatnya masing-masing dan menjelaskan sisi kelemahannya. Beliau menjelaskan pula ulama yang beliau ambil pendapatnya baik dari kalangan sahabat maupun yang lainnya. Imam Al-Bukhari pun bersandar pada periwayatannya dan mengambil riwayat darinya padahal Al-Bukhari merupakan salah satu guru beliau.

Nama lengkap beliau adalah Imam al-Hafidz Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa as-Sulami At-Tirmizi, salah seorang ulama yang menjadi panutan dalam ilmu hadits. Beliau termasuk teladan dalam kekuatan hafalan, bahkan dirinya disepakati sebagai perawi tsiqah. Beliau juga menjadi salah satu murid al-Bukhari, dan ikut berguru pada sejumlah guru penulis kitab As-Sahih. Imam At-Tirmizi wafat pada tahun 279 H.

Sunan Ibnu Majah

Kitab ini disusun berdasarkan urutan bab. Penyusun kitab ini mengumpulkan 4341 buah hadis. Berdasarkan pendapat yang masyhur di kalangan mutaakhirin, kitab ini termasuk kitab induk ke enam dari enam kitab induk hadis. Keutamaan hadis yang beliau takhrij, diriwayatkan pula oleh penyusun enam kitab induk hadis. Hadis yang beliau riwayatkan secara bersendirian sebanyak 1339 buah. Meskipun demikian, kitab ini statusnya lebih rendah dari Sunan An-Nasa’i, Sunan Abu Dawud, dan Sunan At-Tirmizi. Banyak pendapat bahwa hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah secara bersendirian umumnya adalah hadis daif, akan tetapi A-Hafidz Ibnu Hajar mengatakan, “Hal itu tidaklah bersifat mutlak menurut penelitian saya. Namun, secara global, di dalam kitab tersebut memang

banyak terdapat hadis mungkar.

Ibnu Majah adalah Abu Abdillah Muhammad bin Yazid bin ‘Abdillah bin Majah Ar-Raba’i Al-Qazwini. Beliau dilahirkan di Qazwin yang termasuk wilayah ‘Iraq pada tahun 209 H. Beliau melakukan perjalanan dalam mencari hadis sampai ke Ar-Ray, Bashrah, Kufah, Baghdad, Syam, Mesir, dan Hijaz. Beliau meninggal pada tahun 273 H dalam usia 64 tahun.

Sunan Ad-Darimi

Nama lengkap penyusun kitab Sunan Ad-darimi adalah ‘Abdurrahman ibn al- fadhil ibn Bahram ‘Abdis Shamad. Beliau dilahirkan pada tahun wafatnya Ibnul Mubarak, yaitu pada tahun 181 H di kota Samarqand. Sejak kecil beliau telah dikaruniakan kecerdasan akal sehingga ia mudah untuk memahami dan menghafal setiap yang didengarnya. Dengan bibit kecerdasannya itulah beliau menemui para syekh dan belajar ilmu. Imam Ad-Darimi meninggal dunia pada 8 Dzulhijjah tahun 255 H setelah shalat ‘Ashar. Beliau dimakamkan pada hari Jumat bertepatan dengan hari Arafah. Beliau meninggal pada usia mencapai 75 tahun.

Imam Ad-Darimi sejak kecil sudah dikaruniai kecerdasan sehingga beliau mudah untuk memahami dan menghafalkan setiap apa yang beliau dengar. Dengan bekal tersebut, beliau menemui syekh untuk belajar ilmu. Ia belajar kepada orang yang lebih tua atau bahkan lebih muda dari beliau, sehingga ulama pada masanya telah ia kunjungi dan telah ia serap ilmunya.

Samarkand adalah negeri yang tidak pernah sepi dari ilmu pengetahuan, walaupun demikian ia tidak merasa cukup dengan apa yang ada di Samarkand. Beliau juga mengunjungi Khurasan dan belajar hadits dari ulama yang ada di sana. Kemudian beliau berkunjung ke Irak, dan belajar hadits kepada para ahli yang ada di Baghdad, Kuffah, Wasith, dan Basrah.

Ad-Darimi adalah seorang yang gigih dalam mencari hadis dan telah diakui oleh kebanyakan ulama hadis. Salah satu kitabnya yang berjudul “Al-Hadis Al- Musnad Al- Marfu’ wa Al-Mauquf wa Al-Maqthu’ yang beliau susun dengan sistematik bab-bab fiqih sehingga kitab ini populer dengan sebutan “Sunan Ad- Darimi”

Imam Ad-darimi belajar hadits dari Yazid bin Harun, Ya’la bin ‘Ubaid, Ja’far bin ‘Umar Al-Zahrami, Abu ‘Ali Ubaidillah bin Abdul Majid Al-Hanafiy, dan Abu Bakar ‘Abd Al-Kabir. Orang yang belajar hadis dengan beliau diantaranya Muslim, Abu Dawud, Tirmizi, Ibnu Humaid. Dalam menyusun Sunan Ad- Darimi, beliau terkesan tidak ingin memperbanyak jalur sanad namun lebih berkeinginan untuk menyusun suatu kitab yang ringkas. Dalam satu bab beliau hanya memasukkan satu, dua, atau tiga hadits saja. Inilah alasan beliau hanya memasukkan tidak lebih dari 10 buah hadis mu’allaq. Kitab ini memiliki 3367 hadits yang terdiri dari 89 hadis mursal dan 240 hadis maqtu’ serta kebanyakan hadits bersandar langsung dari Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wa sallam.

Musnad Ahmad

Para ahli hadis telah memberi persaksian bahwa Musnad ini merupakan kitab hadis yang paling lengkap karena setiap muslim memerlukannya dalam urusan agama dan dunia. Ibnu Katsir mengatakan, “Tidak ada satu kitab Musnad pun yang menandingi Musnad Ahmad dalam jumlah hadis dan keindahan susunan.”

Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal asy-Syaibani, yang terbiasa dipanggil dengan Abu Abdillah. Beliau dilahirkan di Baghdad pada tahun 164 H, lantas mengembara ke berbagai penjuru negeri untuk menuntut ilmu hingga menjadi imam hadis dan fiqh, teladan ketakwaan serta kezuhudan. Ulama semasanya sangat memuliakan beliau. Kemuliaannya semakin melambung semenjak sikap tegas diperlihatkan kepada orang-orang yang menyatakan Al- Qur'an itu makhluk. Madzhab Hanbali dinisbatkan atas dirinya. Beliau memiliki sejumlah karya penulisan dan yang paling terkenal adalah al-Musnad. Ahmad bin Hanbal wafat pada tahun 241 H.

Muwatho Malik

Al-Muwaththa' merupakan kitab pertama tentang hadis dan fiqh. Kitab ini disusun oleh Imam Malik selama 40 tahun. Imam Syafie pernah berkata tentang kitab Al-Muwaththa': "Di muka bumi ini tidak ada satu kitab sesudah kitab Allah yang lebih sahih daripada kitab Malik". Terdapat banyak sanad hadis oleh para ahli dianggap sebagai sanad-sanad yang paling sahih diantaranya riwayat Az-Zuhri, dari Salim, dari Ibnu Umar serta riwayat Malik, dari Nafi' dari Ibnu Umar.

Al-Muwaththa' dimulai dengan solat kemudian dilanjutkan dengan hadis-hadis tentang sendi dan rukun Islam lainnya, kemudian membahas pelbagai aspek hukum sebagaimana yang diajarkan melalui perintah-perintah Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam, serta difahami dan diterapkan oleh Sahabat dan Tabi'in.


Malik bin Anas atau Abu Abdullah al-Madani al-Faqih, salah seorang tokoh Islam terkemuka. Beliau adalah Imam Darul Hijrah (Madinah) pada masanya. Imam Malik meriwayatkan hadis dari sejumlah Tabi'in, dan sejumlah imam meriwayatkan hadis darinya. Beliau memiliki keutamaan yang banyak, sehingga tidak sedikit ulama yang memuji. Imam Malik dikenal sebagai perawi yang tsiqah, ma'mun, tsabit (kuat hafalannya), wara, faqih, 'alim (berilmu), hujjah (dapat dijadikan rujukan). Beliau salah seorang dari empat imam mazhab, selain penulis kitab al-Muwaththa'. Imam Malik wafat pada tahun 179 H, dan dimakamkan di Baqi.

3.1 Dapatan Kajian Soal Selidik

Bab ini menerangkan keputusan analisis data berdasarkan maklum balas responden soal selidik yang telah dijalankan berkaitan pembelajaran hadis menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah: keberkesanan dalam kalangan pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Data Demografi Responden

Rajah 1 menunjukkan peratus bilangan responden yang di soal selidik mengikut fakulti di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.




Rajah 1 menunjukkan peratusan fakulti bagi 100 responden yang menjawab borang soal selidik yang diberikan. Bilangan “Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah” adalah yang tertinggi seramai 58 responden bersamaan 58 peratus. Manakala, kedua tertinggi merupakan daripada “Fakulti Pengajian Bahasa Utama” iaitu seramai 30 responden bersamaan 30 peratus. Namun, bagi “Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan” mencatatkan seramai 12 responden bersamaan 12 peratus. Hasilnya dapat dilihat Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah mempunyai pelajar jurusan hadis yang tertinggi berbanding fakulti yang lain.

Rajah 2 menunjukkan peratus bilangan responden yang di soal selidik mengikut umur di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.




Rajah 2 menunjukkan peratusan umur bagi 100 responden yang menjawab borang soal selidik yang diberikan. Bilangan tertinggi adalah lingkungan umur “21 hingga 23 tahun” adalah sebanyak 85 responden bersamaan 85 peratus. Seterusnya bagi responden yang berumur dari “24 hingga 26 tahun” adalah sebanyak 10 responden bersamaan 10 peratus. Manakala bagi lingkungan umur “18 hingga 20 tahun” adalah sebanyak 5 responden bersamaan 5 peratus sahaja. Jelaslah bahawa, majoriti responden yang menjawab merupakan pelajar jurusan hadis tahun 3 dan tahun 4 Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai.

Rajah 3 menunjukkan peratus bilangan responden yang di soal selidik mengikut Jantina di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.




Rajah 3 menunjukkan peratusan jantina bagi 100 responden yang menjawab borang soal selidik yang diberikan. Bilangan tertinggi adalah merupakan responden jantina “perempuan” iaitu sebanyak 59 responden bersamaan 59 peratus. Manakala bagi responden jantina “lelaki” pula ialah sebanyak 41 responden bersamaan 41 peratus. Jelaslah bahawa jantina perempuan lebih ramai berbanding jantina lelaki yang mengambil jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai.

Rajah 4 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan sebagai seorang pelajar jurusan hadis, adakah anda mengetahui aplikasi Jami' Kutub Tis'ah?




Rajah 4 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan sebagai seorang pelajar jurusan hadis, adakah anda mengetahui aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Seramai 80 responden yang menjawab “ya” bersamaan 80 peratus yang mengetahui kewujudan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini. Manakala seramai 11 responden yang menjawab “tidak” bersamaan 11 peratus ini yang tidak mengetahui berkaitan aplikasi ini. Seterusnya, terdapat responden yang menjawab “mungkin” seramai 9 responden bersamaan 9 peratus kerana responden masih ragu-ragu tentang kewujudan aplikasi ini. Dapat dilihat bahawa, majoriti pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai mengetahui tentang aplikasi ini.

Rajah 5 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan sejauhmanakah tahap kefahaman anda tentang cara penggunaan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini?



Rajah 4 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan sejauhmanakah tahap kefahaman anda tentang cara penggunaan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini. Seramai 70 responden yang menjawab “sangat faham” bersamaan 70 peratus yang mengetahui cara menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini secara berkesan. Manakala 21 responden mengatakan “kurang faham” bersamaan 21 peratus yang kurang faham tentang cara menggunakan aplikasi ini dengan betul. Selain itu, terdapat 9 responden yang “tidak faham” bersamaan 9 peratus yang tidak tahu menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini dengan betul. Dapat disimpulkan melalui peratusan responden yang tertinggi bahawa pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Alaysiaa, Nilai mengetahui cara menggunakan aplikasi ini dengan baik.

Rajah 6 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan adakah aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini menjadi rujukan anda yang pertama dalam mencari maklumat berkaitan hadis?




Rajah 6 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan adakah aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini menjadi rujukan anda yang pertama dalam mencari maklumat berkaitan hadis. Peratusan tertinggi responden yang menjawab “ya” ialah 66 responden bersamaan 66 peratus yang menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah sebagai rujukan pertama. Manakala seramai 34 responden menjawab “tidak” bersamaan 34 peratus yang menggunakan rujukan lain selain aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Tuntasnya, aplikasi Jami' Kutub Tis'ah masih menjadi rujukan utama bagi pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Rajah 7 menunjukkan jawapan yang diberikan oleh responden bagi soalan nyatakan aplikasi yang digunakan selain aplikasi Jami' Kutub Tis'ah?

Bil	Jawapan Responden
1.	Maktabah Syamilah
2.	Jami' Kutub Sittah
3.	Google
4.	Aplikasi Semak Hadis
5.	Aplikasi Al Mausuh'ah Al-Hadisiah

Berdasarkan hasil jawapan responden di atas, pengkaji mendapati majoriti responden menggunakan aplikasi "Maktabah Syamilah" sebagai rujukan utama selain aplikasi "Jami Kutub Tis'ah. Antara kelebihan aplikasi Maktabah Syamilah ini ialah dapat diakses secara offline. Tidak memerlukan internet serta dapat fokus untuk penulisan atau pencarian. Selain itu, pengguna dapat menggunakan perpustakaan digital dengan jumlah koleksi lebih dari 7,000 kitab. Disamping itu, cepat dalam pencarian "Maktabah Syamilah" memberikan kemudahan dalam akses pencarian informasi. Seterusnya, jumlah kitab selalu bertambah dan mengikuti perkembangan literatur keislaman dari waktu ke waktu. Tidak dapat dinafikan bahawa aplikasi "Maktabah Syamilah" lebih banyak kelebihan dan manfaat berbanding aplikasi yang lain seperti Jami' Kutub Tis'ah, Jami' Kutub Sittah, Semak Hadis dan Aplikasi Al-Mansu'ah Al-Hadisiah.

Rajah 8 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan adakah aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini sangat membantu pelajar jurusan hadis dalam penyelidikan?




Rajah 8 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan adakah aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini sangat membantu pelajar jurusan hadis dalam penyelidikan. Sebanyak 84 responden mengatakan “sangat membantu” bersamaan 84 peratus yang menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah dalam penyelidikan responden. Manakala sebanyak 14 responden yang menjawab “kurang membantu” bersamaan 14 peratus yang beranggapan aplikasi ini kurang memberi bantuan dalam penyelidikan responden. Seterusnya, seramai 2 responden yang mengatakan “tidak membantu” bersamaan 2 peratus bahawa aplikasi ini langsung tidak memberi manfaat kepada penyelidikan responden. Walaubagaimanapun, peratusan tertinggi menunjukkan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah berguna bagi pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Rajah 9 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan fungsi aplikasi Jami' Kutub Tis'ah adalah seperti berikut:



Rajah 9 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan fungsi aplikasi Jami' Kutub Tis'ah adalah seperti berikut. Seramai 100 responden memilih jawapan yang tepat dan betul iaitu “mengetahui status hadis”, “mengetahui syarah hadis”, “mengetahui takhrij hadis” dan mengetahui biodata perawi hadis” yang membawa 20 peratus bagi setiap fungsi aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini. Dapat dilihat bahawa, responden mengetahui fungsi aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini dengan sangat tepat dan baik.

Rajah 10 menunjukkan peratus bilangan responden bagi soalan pilih kitab yang terkandung dalam aplikasi Jami' Kutub Tis'ah:



Rajah 10 menunjukkan peratus bilangan seramai 100 responden bagi soalan pilih kitab yang terkandung dalam aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Seramai 100 responden memilih jawapan yang tepat dan betul iaitu "Kitab Sahih Bukhari", "Kitab Sahih Muslim", "Kitab Sunan Abi Daud", "Kitab Sunan At-Tirmizi", "Kitab Sunan Nasai", "Kitab Sunan Ibnu Majah", "Kitab Sunan Ad-Darimi", "Kitab Musnad Ahmad" dan "Kitab Muwatho Malik" yang membawa 11 peratus bagi setiap kitab yang terkandung di dalam aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Dapat dilihat bahawa, responden mengetahui setiap jenis kitab yang terkandung di dalam aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini. Jelaslah bahawa pelajar jurusan hadis di Universiti Sains Islam Malaysia menggunakan aplikasi ini dengan sebaiknya.

Rajah 11 menunjukkan jawapan yang diberikan oleh responden bagi soalan mengikut pengalaman anda, apakah kekurangan yang terdapat ketika menggunakan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah?

Bil	Jawapan Responden
1.	Penggunaan bahasa yang terhad iaitu menggunakan bahasa arab sahaja
2.	Memerlukan data internet untuk diakses
3.	Saiz memuat turun aplikasi ini adalah berat
4.	Aplikasi ini sentiasa masalah penyelenggaraan
5.	Tidak mesra pengguna

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden, majoriti berpendapat bahawa kekurangan paling ketara yang terdapat di dalam aplikasi ini ialah dari sudut bahasa. Iaitu aplikasi ini hanya memberi tumpuan kepada Bahasa Aarab sahaja. Jadi, ia menyukarkan dan melemahkan pengkaji yang tidak fasih dalam Bahasa Aarab untuk mengetahui dan memahami isi kandungan aplikasi tersebut. Adalah menjadi lebih baik jika aplikasi ini memfokuskan pula kepada Bahasa Inggeris. Iaitu mewujudkan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan bagi memudahkan pengkaji atau responden yang berbilang bangsa untuk lebih mesra menggunakannya, lantas lebih ramai lagi yang memuat turun aplikasi ini kerana mengikut kehendak semasa yang diperlukan oleh responden.

Rajah 12 menunjukkan jawapan yang diberikan oleh responden bagi soalan berikan pandangan anda bagi penambahbaikan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini.

Bil	Jawapan Responden
1.	Aplikasi ini memerlukan tiga bahasa iaitu Bahasa Arab, Inggeris dan Melayu bagi memudahkan pelajar pelbagai bangsa dapat menggunakan dengan sebaik mungkin.
2.	Menyediakan fungsi lain berkaitan pencarian hadis
3.	Menaiktaraf dari sudut penyelenggaraan bagi memudahkan pelajar menggunakan aplikasi ini setiap masa
4.	Menyediakan aplikasi ini dalam mode offline tanpa memerlukan data internet
5.	Wujudkan ruang mesra pengguna untuk menjadi rujukan pelajar

Mengikut majoriti jawapan yang dijawab oleh responden, responden berpendapat bahawa aplikasi ini perlu penambahbaikan dari sudut bahasa. Kepelbagaian bahasa sangat diperlukan oleh pihak responden di dalam aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini. Walau bagaimanapun, dengan penambahbaikan ini sebenarnya dapat membantu responden menggunakan aplikasi ini dengan lebih baik lagi terutamanya bagi responden yang tidak fasih dalam Bahasa Arab. Oleh itu, adalah baiknya jika penambahbaikan ini diwujudkan sebagai batu loncatan terhadap responden untuk menyelesaikan penyelidikan responden dengan jayanya dengan bantuan aplikasi ini.

Akhir kata daripada pihak pengkaji, aplikasi ini sangat berguna dan memberi kemudahan kepada responden dalam penyelidikan. Akan tetapi, kekurangan yang terdapat di dalam aplikasi ini menjadi punca sesetengah responden untuk tidak menggunakannya berikutan kelemahan yang terdapat pada diri sendiri mahupun aplikasi ini. Tuntasnya, kelemahan yang terdapat di dalam aplikasi ini perlu dijadikan pembakar semangat kepada responden agar lebih bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk mempelajari Bahasa Arab supaya boleh menjadi contoh dan penggerak kepada responden yang lain.

Kesimpulan

Kesimpulannya, aplikasi Jami' Kutub Tis'ah ini telah berkembang atas faktor peredaran zaman bagi memenuhi keperluan moden pada masa kini. Kajian ini telah mengkaji tentang sejarah dan perkembangan serta keberkesanan aplikasi ini kepada pelajar jurusan hadis di USIM. Oleh yang demikian, penggunaan aplikasi hadis digital ini telah banyak memberi manfaat kepada penggunanya. Hal ini disebabkan pada masa kini orang ramai lebih gemar menggunakan telefon pintar untuk penggunaan harian serta ianya mudah dirujuk. Akan tetapi, kesan daripada kurang pendedahan tentang cara penggunaan aplikasi ini menjadikan pengguna kurang mahir untuk menggunakannya. Walaubagaimanapun, ianya juga mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri. Oleh itu, diharapkan bagi seluruh umat Islam untuk menitikberatkan dan menghargai segala sumbangan-sumbangan yang telah diberikan kepada kita.

Rujukan

A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Zohdi Mohd Amin, Shumsudin Yabi, Mohd Yusuf Ismail.,(2018) *Maalim Al Quran Wa Al Sunnah. Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di Universiti Awam Malaysia*, 1.

<http://jmqqs.usim.edu.my/index.php/jmqqs/article/view/133>

Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Dr Noor Najihan Jaafar, Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin.,(2015) *Maalim Al Quran Wa Al Sunnah. Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis Dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM*, 1-2.

<http://jmqqs.usim.edu.my/index.php/jmqqs/article/view/133>

Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid, Abdul Azib Hussain.,(2021) *Journal Hadis. Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur*, 1-2.

<https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.168>

A. Irwan Santeri bin Doll Kawaid, Mohd Aminuddin bin Israbani.,(2020) *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN). Kesilapan Berkaitan Teks dalam Perisian Digital Islam: Kajian Kes Terhadap Perisian Al-Maktabah Al-Syamilah dan Jawal' Al Kalim*, 2-3.

<https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/3>

Ahmad Tajuddin Arafat.,(2017) *Walisongo. Mata Rantai Sufi Perawi Hadis al-Kitab al-Tis'ah*, 8-9.

http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/12004/1/Disertasi_125113021_A_Tajuddin_Arafat.pdf